
BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI, PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI SERTA LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Melaka Tahun 2019 berserta LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 21 September 2021. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka Tahun 2020 berserta LKAN mengenai Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2019 Siri 2 pula telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 27 Disember 2021. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Agensi Negeri Melaka telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 25 Julai 2022.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka tidak bermesyuarat sepanjang tahun 2021 berikutan pandemik Covid-19. Bagaimanapun, sehingga 31 Ogos 2022, Jawatankuasa telah bermesyuarat pada 27 Januari 2022, 7 April 2022 dan 24 Jun 2022. Mesyuarat diadakan bagi membincangkan maklum balas mengenai isu yang dilaporkan dalam LKAN 2012 Siri 2, LKAN 2017 Siri 2, LKAN 2018 Siri 2, LKAN 2018 Siri 3, LKAN 2019 Siri 1 dan LKAN 2019 Siri 2. Jawatankuasa telah memanggil jabatan dan agensi yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan mengenai tindakan yang diambil terhadap isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Butiran ringkas isu yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022

BIL.	BIL. MESYUARAT/ TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	Bil. 1 Tahun 2022/ 27 Januari 2022	Pembentangan LKAN bagi isu yang belum selesai di Auditor General's Dashboard:	
		Majlis Agama Islam Melaka	LKAN Tahun 2018 Siri 2 Pengurusan Usaha Sama
		MAIM Holdings Berhad	LKAN Tahun 2018 Siri 2 Pengurusan Hasil
		Kumpulan Melaka Berhad	LKAN Tahun 2018 Siri 3 Penyenggaraan Padang di Dataran Pahlawan
		Jabatan Ketua Menteri Melaka - Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka	LKAN Tahun 2019 Siri 1 - Data Pelancongan daripada Premis Penginapan - Program Promosi Dalam dan Luar Negara
		Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	LKAN Tahun 2019 Siri 1 - Lembaga Pengarah - Prosedur Operasi Standard - Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama - Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam - Pemantauan Syarikat Bersekutu - Pelantikan Panel Kontraktor - Pembinaan Menara Komunikasi - Penyenggaraan Menara Telekomunikasi - Pemantauan - Sewaan Menara Telekomunikasi
2.	Bil. 2 Tahun 2022/ 7 April 2022	- Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 1/2022 bertarikh 27 Januari 2022. - Perbincangan jawapan bertulis daripada jabatan/agensi berkenaan isu-isu Laporan Ketua Audit Negara seperti berikut:	
		Syarikat Air Melaka Berhad	LKAN Tahun 2017 Siri 2 Pencapaian Outcome Quality Assurance Programme (QAP)
		Kumpulan Melaka Berhad	LKAN Tahun 2018 Siri 3 Penyenggaraan Padang di Dataran Pahlawan
		Jabatan Ketua Menteri Melaka - Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka	LKAN Tahun 2019 Siri 1 - Data Pelancongan daripada Premis Penginapan - Program Promosi Dalam dan Luar Negara
		MAIM Holdings Berhad	LKAN Tahun 2018 Siri 2 Pengurusan Hasil
		Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	LKAN Tahun 2019 Siri 1 - Lembaga Pengarah - Prosedur Operasi Standard - Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama - Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam - Pemantauan Syarikat Bersekutu

BIL.	BIL. MESYUARAT/ TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
			• Pelantikan Panel Kontraktor • Pembinaan Menara Komunikasi • Penyenggaraan Menara Telekomunikasi • Pemantauan • Sewaan Menara Telekomunikasi
3.	Bil. 3 Tahun 2022/ 24 Jun 2022	• Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka Bil. 2/2022 bertarikh 7 April 2022. • Perbincangan dan pembentangan LKAN bagi isu yang belum selesai di Auditor General's Dashboard.	
		Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	LKAN Tahun 2012 Siri 2 • Pelanggaran Syarat Nyata Tanah Selepas Permohonan Ditolak
		Syarikat Air Melaka Berhad	LKAN Tahun 2017 Siri 2 • Pencapaian Outcome Quality Assurance Programme (QAP)
		i) Majlis Agama Islam Melaka ii) MAIM Holdings Berhad	LKAN Tahun 2018 Siri 2 • Pengurusan Usaha Sama • Pengurusan Hasil
		Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.	LKAN Tahun 2019 Siri 1 • Lembaga Pengarah • Prosedur Operasi Standard • Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama • Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam • Pemantauan Syarikat Bersekutu • Pelantikan Panel Kontraktor • Pembinaan Menara Komunikasi • Penyenggaraan Menara Telekomunikasi • Pemantauan • Sewaan Menara Telekomunikasi
		i) Perbadanan Stadium Melaka ii) Majlis Sukan Negeri Melaka	LKAN Tahun 2019 Siri 2 • Penggunaan Kemudahan Sukan • Pencapaian Keberhasilan • Pengurusan Kutipan Hasil • Penyenggaraan Kemudahan Sukan • Keselamatan Kemudahan Sukan dan Persekitarannya • Program Promosi Kemudahan Sukan
		Pembangunan Pertanian Melaka Sdn. Bhd.	LKAN Tahun 2019 Siri 2 • Pengerusi • Lembaga Pengarah • Setiausaha Syarikat • Prosedur Operasi Standard • Rancangan Korporat/Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama • Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam • Tanaman Semula • Kawalan Rumpai • Pembajaan

BIL.	BIL. MESYUARAT/ TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
			• Penuaian • Pemangkasan Pelepah • Perolehan Tanah di Lot 230, Taboh Naning • Penyenggaraan Tanah Pajakan Milik Yayasan Melaka • Pemantauan • Kes Saman Litigasi Syarikat

Sumber: Jabatan Audit Negara